

DOKUMEN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN
SEWAAN PERKAKASAN DAN BEKALAN DI
PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)
DEWAN SERI REMBAU**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
12.00 TENGAH HARI 21 JULAI 2021 (RABU)**

**NO. RUJUKAN SEBUT HARGA
PDTR(P/B)SH/PPV/3/2021**

**DISEDIAKAN OLEH:
PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU**

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1	SENARAI SEMAK	1
2	KENYATAAN TAWARAN	2
3	LAMPIRAN Q - BORANG SEBUT HARGA	3-9
4	ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA	10-12
5	SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA	13-15
6	LAMPIRAN F - SURAT AKAUN PEMBIDA	16
7	LAMPIRAN I – BORANG AKUAN PENYEBUT HARGA	17-18
8	LAMPIRAN II – BUTIR-BUTIR PENYEBUT HARGA	19
9	LAMPIRAN III - JADUAL TAWARAN HARGA	20-21
10	LAMPIRAN IV - JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	22
11	LAMPIRAN V - SENARAI PENGALAMAN BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN DAN BEKALAN	23

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN PERKAKASAN DAN BEKALAN DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN SERI REMBAU

Sila tandakan (√) bagi dokumen-dokumen yang dikemukakan

Bil.	Kandungan	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1	LAMPIRAN Q - Borang Sebut Harga			
2	LAMPIRAN F - Surat Akaun Pembida			
3	LAMPIRAN I - Borang Akaun Penyebut Harga			
4	LAMPIRAN II - Butir-butir Penyebut Harga			
5	LAMPIRAN III - Jadual Tawaran Harga			
6	LAMPIRAN IV - Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal			
7	LAMPIRAN V - Senarai Pengalaman bagi Perkhidmatan Sewaan dan Bekalan			
8	Salinan Sijil Pendaftaran kod bidang dengan Kementerian Kewangan			
9	Salinan Penyata Akaun bank untuk 3 bulan terkini yang telah disahkan oleh pihak bank			
10	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)			
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat dan terma yang dinyatakan didalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada)</p>		
<p>Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:</p> <p>Cop Pembekal:</p>		<p>Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		

Nota: Maklumat dokumen perlu dikemaskini mengikut kehendak Sebut Harga yang ditawarkan



PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU

KENYATAAN TAWARAN

Kontraktor Bumiputera yang berpengalaman serta berkeupayaan dan Berdaftar dengan Sijil Pendaftaran Perniagaan Syarikat (SSM) dan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk perkhidmatan seperti berikut : -

NO SEBUT HARGA / TEMPOH	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	MASA/TARIKH MULA DOKUMEN SEBUT HARGA DIKELUARKAN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
PDTR(P/B)SH/ PPV/3/2021 Tempoh : Mulai 1/8/2021 Hingga 31/12/2021 (5 bulan)	SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN PERKAKASAN DAN BEKALAN DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN SERI REMBAU, NEGERI SEMBILAN	210105, 221501, 221501/ 221502	13 JULAI 2021 (SELASA) HINGGA 19 JULAI 2021 (ISNIN) DI LAMAN WEB RASMI PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU (https://rembau.ns.gov.my/)	21 JULAI 2021 (RABU) 12.00 TENGAH HARI

1. Dokumen sebut harga boleh diperolehi mulai pada **13 Julai 2021 (Selasa)** hingga **19 Julai 2021 (Isnin)** dengan memuat turun borang sebut harga di laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Rembau (<https://rembau.ns.gov.my/>)
2. Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat di materai (sealed) dan mencatatkan No. Sebut harga PDTR(P/B)SH/PPV/3/2021** disebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut harga di Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau** pada atau sebelum **21 Julai 2021 (Rabu), jam 12.00 tengah hari** dan dialamatkan kepada :

**PEGAWAI DAERAH REMBAU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH
71309 REMBAU
NEGERI SEMBILAN**

3. Sebut harga yang lewat dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
4. Bahagian Khidmat Pengurusan tidak akan terikat untuk menerima mana-mana tawaran harga tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Sebut Harga. Taklimat akan dilakukan atas permintaan pembekal mengikut Standart Operating Procedure (SOP) dan pembekal boleh menghubungi pejabat bagi tujuan tersebut.
5. Keputusan tawaran sebut harga dan syarikat yang berjaya akan dimaklumkan melalui surat setuju terima tawaran. Bagi penyebut harga yang tidak menerima surat adalah dianggap tidak berjaya dalam sebut harga tersebut.

**.LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut harga : PDTR(P/B)SH/PPV/3/2021

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN PERKAKASAN DAN BEKALAN DI PUSAT
PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN SERI REMBAU, NEGERI SEMBILAN**

Kepada (Nama Syarikat) : _____ _____ _____ No. Telefon : _____ No. Pendaftaran dengan : _____ Kementerian Kewangan : _____ Kod Bidang Pendaftaran : _____ yang Releven dengan Pembelian ini	Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh Jabatan (Alamat Lengkap) PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH 71309 REMBAU No. Tel : 06-6851225 Tarikh : _____	
---	--	--

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarikat tuan/puan **mestilah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mempunyai sijil perakuan yang berkaitan** dengan kod bidang **210105, 210101, 221501/221502. (Sila Majukan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah tempohnya sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tutup sebut harga untuk rujukan PDTR).**
 - 1.2 **Tempoh serahan sewaan bekalan** adalah pada 01 Ogos 2021 untuk Dewan Seri Rembau.
 - 1.3 Tawaran sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kepada Borang spesifikasi Pembekalan di Dokumen Sebut Harga yang disertakan bersama surat ini.
 - 1.4 Sila majukan **maklumat tentang pengalaman syarikat** tuan/puan dalam menjalankan pembekalan sebegini. (Nyatakan nama agensi/syarikat yang sedang melanggan atau pernah melanggan perkhidmatan tuan/puan untuk rujukan kami).
 - 1.5 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda No. Sebut Harga **PDTR(P/B)SH/PPV/3/2021**.
 - 1.6 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas atau tidak lewat pada jam 12.00 tengahari **21 hb Julai 2021.**

1.7 **Tempoh sahlaku** minima tawaran Sebut Harga adalah selama **sembilan puluh (90) hari dari tarikh tawaran sebut harga.**

2. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai perkara diatas, sila berhubung terus dengan **Encik Sayed Syawal Mustaqim Bin Sayed Mohamad** di talian **06-6851225.**
3. Dimaklumkan sekali lagi agar pihak tuan/puan meneliti dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti diatas bagi mengelakkan tawaran sebut harga tuan/puan ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat tersebut.

BIL	PERALATAN SEWAAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
1.	KOMPUTER SET	11		
2.	BOOTH 5' X 7'	10		
3.	BOOTH 10' X 14'	2		
4.	QUE STAND BESERTA RANTAI	35		
5.	BOOTH TABLE 2' X 3'	12		
6.	BANQUET TABLE 2' X 6' BESERTA ALAS MEJA DAN SKIRTING	23		
7.	KERUSI PLASTIK	500		
8.	EXT WIRE	18		
9.	INDUSTRIAL FAN	2		
10.	PRINTER SCANNER	1		
11.	KABINET BESI BERPALANG	1		
12.	KHEMAH 20' X 20'	2		
13.	SEWAAN UNIFI (UNIFI & FIXED LINE)	1		
	Tarikh Penyerahan / Penyempurnaan ditawarkan *Sila sertakan salinan sijil pendaftaran syarikat dan kementerian kewangan			JUMLAH (RM) (5 BULAN)

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan / penyempurnaan ialah

Saya / Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan

Penyebut harga : _____

Nama dan K/P : _____

Alamat dan

Tarikh : _____

Cop Syarikat : _____

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. **KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. **HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. **BARANG SETARA**

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. **PERSETUJUAN**

(i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga; dan

(ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu Sebut Harga yang berasingan

6. **PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa perkakas bekalan itu semasa tempoh sewaan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan sewaan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan apabila dikehendaki.

7. **PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. **PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui Sebut Harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebut Harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAFSIRAN**

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG
KELUARAN MALAYSIA**

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkeriaan.

13. **PENGHANTARAN / PEMASANGAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja penghantaran, pengangkutan dan belanja pemasangan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat penghantaran, pengangkutan atau pemasangan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penyebut harga.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATAWANG**

Sebut Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

NOMBOR SEBUT HARGA : PDTR(P/B)SH/PPV/3/2021

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN PERKAKASAN DAN BEKALAN DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN SERI REMBAU

1. HAK PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU (PDTR) UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

PDTR adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyebut Harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebut Harga.

2.2 Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan.

2.3 Borang-Borang Yang Perlu Diisi

2.3.1 Borang Butir-butir Penyebut Harga (Lampiran II)

- I. **Nama Penyebut Harga** : Nama Syarikat seperti yang didaftarkan dengan kementerian kewangan. Alamat Perniagaan.
- II. **Alamat perniagaan** : Alamat yang betul di mana penyebut harga boleh dihubungi melalui surat. Penyebut Harga hendaklah memaklumkan kepada PDTR jika berlaku pertukaran alamat .
- III. **No. Telefon/HP/Faks dihubungi**. Perlu dinyatakan untuk dihubungi.
- IV. **Taraf Penyebut Harga** : Nyatakan sama ada taraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera (Sila sertakan salinan sijil pengesahan taraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan).
- V. **Modal Syarikat** : Jika bukan Syarikat Sdn. Bhd. atau Berhad nyatakan modal terkumpul iaitu daripada punca-punca seperti wang simpanan saham dan pinjaman bank.

- VI. **Pengalaman** : Penyebut Harga hendaklah mengisi borang di **(Lampiran V)** dengan menyatakan pengalaman berkenaan dalam bidang perkhidmatan berkenaan (jika ada).

2.3.2 Surat Akuan Penyebut Harga **(Lampiran F)**

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebut Harga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak. Kadar harga yang dalam borang lampiran III dicatatkan mestilah sama dengan kadar harga di **Lampiran IV** dan **Lampiran Q**.

2.3.3. Jadual Tawaran Harga **(Lampiran III)**

- 2.3.3.1 Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh orang yang diberikuasa oleh syarikat sebagai Penyebut Harga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop adalah tidak sah/laku dan akan ditolak.
- 2.3.3.2 Borang ini perlu diisi dengan lengkap dan dikembalikan.
- 2.3.3.3 Kadar harga yang ditawarkan dalam Jadual Harga di **Lampiran III** adalah hasil daripada perkiraan yang dibuat berdasarkan item-item yang terkandung dalam Lampiran ini. Semua item yang disenaraikan dalam Lampiran ini perlu diisi.

3. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebut Harga serta dicopkan dengan cop Penyebut Harga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

4. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 4.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi meminta atau menerima apa apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 4.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

5. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Tiada.

6. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

7. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebut Harga Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga.

8. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

8.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan mencatatkan no Sebut Harga PDTR(P/B)SH/PPV/3/2021 disebelah kiri sampul dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

8.2 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab tidak akan dipertimbangkan.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut Harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Sebut Harga apabila menyertal Sebut Harga Ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Penyebut Harga ditolak.

1. KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA

1.1 Tawaran dipelawa kepada penyebut harga berikut :

- I. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah laku di bawah kod 210105, 210101, 211501/221502 serta bertaraf Bumiputera.
- II. Berpengalaman dalam perkhidmatan sewaan dan bekalan.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Semua harga Sebut Harga mestilah di dalam RINGGIT MALAYSIA bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan seperti pada Borang dalam dokumen Sebut Harga ini. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit, harga dan jumlah harga.
- 2.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku Sebut Harga ialtu 90 hari.

3. SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDAR KUALITI KERJA

- 3.1 Penyebut harga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi skop dan standard kualiti kerja bagi Perkhidmatan sewaan dan bekalan di dalam **Lampiran IV** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.
- 3.2 Perkhidmatan sewaan dan bekalan akan dilaksanakan mengikut spesifikasi, skop kerja dinyatakan dalam Lampiran kualiti kerja yang kerja dan "standard" kualiti kerja yang dinyatakan dalam **Lampiran IV**.

4. PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN BEKALAN

- 4.1 Semua peralatan dan bekalan hendaklah tulen, baru dan original
- 4.2 PDTR adalah sentiasa berhak mengkehendaki peralatan itu diperiksa dan diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa sama pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- 4.3 **Jaminan mutu selama tiga (3) bulan dari tarikh penghantaran/penerimaan** hendaklah diganti oleh syarikat tanpa sebarang kos.
- 4.4 Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki membekal dan menghantar bekalan setelah pesanan tempatan dikeluarkan. Pesanan tempatan akan dikeluarkan mengikut keperluan dan permohonan PDTR.
- 4.5 Penyebut harga adalah dikehendaki mendapatkan pengesahan pengeluaran pesanan tempatan sebelum penghantaran dilakukan.
- 4.6 Penyebut harga adalah dikehendaki menyempurnakan pembekalan dan penghantaran mengikut kawasan dan kedudukan yang ditetapkan dalam lampiran yang disertakan.

5. PEMBAYARAN

Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di Jadual Harga setelah pembekal membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut. Bayaran bagi peralatan sewaan akan dibayar secara bulanan. Bayaran barang-barang bekalan pakai habis akan dibayar pada bulan pertama.

6. SURAT SETUJU TERIMA

Surat Setuju Terima akan dihantar oleh PDTR kepada Penyebut Harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut Harga ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara PDTR dan Penyebut Harga tanpa mengambil kira sama ada Kontrak sebenar akan di sempurnakan atau tidak.

7. HAK KERAJAAN MENERIMA ATAU MENOLAK DOKUMEN SEBUT HARGA

- 7.1 Kerajaan berhak menerima atau menolak mana-mana dokumen Sebut Harga dan membatalkan proses Sebut Harga dan menolak semua dokumen Sebut Harga pada bila-bila masa sebelum kontrak diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada Penyebut Harga yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak Kerajaan untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada Penyebut Harga yang terlibat.
- 7.2 Pihak Kerajaan adalah berhak mempersetujui nilai Sebut Harga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan Sebut Harga.
- 7.3 Pertimbangan Sebut Harga ini adalah berasaskan tawaran teknikal, tawaran harga dan keupayaan Sebut Harga serta lain-lain faktor yang difikirkan sesuai seperti berikut:
 - a) Kerajaan TIDAK TERIKAT untuk menawarkan kontrak kepada Penyebut Harga yang menawarkan harga terendah;
 - b) Keputusan Kerajaan adalah muktamad;
 - c) Kerajaan berhak memilik lebih dari satu Pembekal;
 - d) Kerajaan juga berhak mengubah spesifikasi Sebut Harga jika perlu;
 - e) Kerajaan berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran Sebut Harga atau sebahagiannya;
 - f) Kerajaan tidak memerlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana Sebut Harga; dan
 - g) Sebarang surat menyurat mengenal keputusan Sebut Harga tidak akan dilayan.

SURAT AKAUN PEMBIDA

No. Sebut harga PDTR(P/B)SH/PPV/3/2021

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN PERKAKASAN DAN BEKALAN DI
PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN SERI REMBAU**

Saya,..... nombor Kad Pengenalan
Yang mewakill nombor Pendaftaran
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/Sebut Harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana Individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana dalam **Pejabat Daerah dan Tanah Rembau(PDTR)** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/Sebut Harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/Sebut Harga* di atas, atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/Sebut Harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/Sebut Harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar

.....

Nama :

No. KP :

Cop Syarikat :

BORANG AKUAN PENYEBUT HARGA

Kepada
Pejabat Daerah dan Tanah Rembau
Kompleks Pentadbiran Kerajaan,
71309 Rembau,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuan,

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA PDTR(P/B)SH/PPV/3/2021

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN PERKAKASAN DAN BEKALAN DI PUSAT
PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN SERI REMBAU**

Merujuk kepada iklan tuan berkenaan perkara di atas, dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebut Harga Pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk membekal dan menghantar sepertimana sebahagian yang terkandung dalam kontrak, bersetuju dengan spesifikasi yang dinyatakan dan pelbagai kadar yang ditetapkan oleh pihak yang bertandatangan di bawah berserta senarai harga yang disertakan bersama Sebut Harga.

2. Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat sepertimana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebut harga, spesifikasi dan jadual harga dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilai barang secara individu yang dibekalkan dari semasa ke semasa.

3 Dan selanjutnya, pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk menyiapkan Penyebut Harga dan penghantaran dan bekerja mengikut arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut Harga yang diberikan.

4. Sebagaimana yang telah difahami pihak tuan boleh menerima atau menolak sebut harga kami tanpa apa-apa alasan. Sebut harga ini akan sentiasa sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh penyerahan sebut harga.

5. Pihak bertandatangan dibawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam sebut harga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan sebut harga.

Tempoh sahlaku sebut harga (minimum sembilan puluh (90) hari) : _____

Tempoh siap kerja/penghantaran bagi setiap sewaan dan bekalan (1 Ogos 2021 - 31 Disember 2021) bagi Dewan Seri Rembau.

Tandatangan Penyebut Harga :

Nama dan alamat syarikat :

.....

.....

Tarikh :

Tandatangan Saksi Kepada Penyebut Harga :

Nama dan alamat syarikat :

.....

.....

Tarikh :

BUTIR-BUTIR PENYEBUT HARGA**A. MAKLUMAT SYARIKAT**

BIL.	PERKARA	
1	Nama Syarikat	:
2	Nombor Pendaftaran Syarikat	:
3	Tarikh Ditubuhkan	:
4	Jenis Perniagaan	:
5	Taraf	: Syarikat Bumiputera/Bukan Bumiputera*
6	Status	: Syarikat Tempatan/Syarikat Asing*
7	Alamat Syarikat	:
8	Nombor Telefon Syarikat	:
9	Nombor Faks Syarikat	:
10	Alamat E-mel Syarikat	:

B. MAKLUMAT PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI UNTUK URUSAN SEBUT HARGA INI

BIL.	PERKARA	
1	Nama	:
2	Jawatan	:
3	Alamat Syarikat	:
4	No. Telefon Pejabat	:
5	No. Telefon Bimbit	:
6	No. Faks	:
7	Alamat Emel	:

JADUAL TAWARAN HARGA**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN PERKAKASAN DAN BEKALAN
DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN SERI REMBAU**

BIL	PERALATAN SEWAAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
1.	KOMPUTER SET	11		
2.	BOOTH 5' X 7'	10		
3.	BOOTH 10' X 14'	2		
4.	QUE STAND BESERTA RANTAI	35		
5.	BOOTH TABLE 2' X 3'	12		
6.	BANQUET TABLE 2' X 6' BESERTA ALAS MEJA DAN SKIRTING	23		
7.	KERUSI PLASTIK	500		
8.	EXT WIRE	18		
9.	INDUSTRIAL FAN	2		
10.	PRINTER SCANNER	1		
11.	KABINET BESI BERPALANG	1		
12.	KHEMAH 20' X 20'	2		
13.	SEWAAN UNIFI (UNIFI & FIXED LINE)	1		
JUMLAH				

RINGGIT MALAYSIA

Pengesahan Syarikat :

Tandatangan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

No Telefon Syarikat :

JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN PERKAKASAN DAN BEKALAN
DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DEWAN SERI REMBAU**

BIL	PERALATAN	KUATITI	SYARAT	PEMATUHAN		CATATAN
				YA	TIDAK	
1.	KOMPUTER SET	11	MEMASTIKAN KOMPUTER RIBA YANG DIBEKALKAN TELAH DI INSTALL DENGAN PRINTER, WINDOWS, MICROSOFT OFFICE DAN WIFI			
2.	BOOTH 5' X 7'	10	KERJA-KERJA PEMASANGAN DENGAN KEMAS ADALAH DI BAWAH TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR			
3.	BOOTH 10' X 14'	2				
4.	QUE STAND BESERTA RANTAI	35				
5.	BOOTH TABLE 2' X 3'	12				
6.	BANQUET TABLE 2' X 6' BESERTA ALAS MEJA DAN SKIRTING	23				
7.	KERUSI PLASTIK	500				
8.	EXT WIRE	18				

9.	INDUSTRIAL FAN	2	KERJA-KERJA PEMASANGAN DENGAN KEMAS ADALAH DIBAWAH TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR			
10.	PRINTER SCANNER	1	BESERTA BEKALAN DAKWAT (HITAM & BEWARNA)			
11.	KABINET BESI BERPALANG	1	KERJA-KERJA PEMASANGAN DENGAN KEMAS ADALAH DIBAWAH TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR			
12.	KHEMAH 20' X 20'	2				
13.	SEWAAN UNIFI (UNIFI & FIXED LINE)	1				

Pengesahan Syarikat :

Tandatangan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

No Telefon Syarikat :

SENARAI PENGALAMAN DALAM PERKHIDMATAN BEKALAN DAN SEWAAN DI LAIN-LAIN AGENSI

BIL.	NAMA/JENIS KONTRAK	NAMA DAN ALAMAT PENUH JABATAN / INSTITUSI	HARGA KONTRAK (RM)	Tempoh Kontrak	
				MULA	TAMAT

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi